



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA

ZON MARITIM TAWAU

JABATAN PERDANA MENTERI



BATU 2, JALAN SIN ONN,

PETI SURAT 62519

91025 TAWAU

---

Ruj : APMM.DM18.100-2/1/1 ( )

Tarikh : 31 Ogos 2018

## **Siaran Media**

### **MARITIM MALAYSIA TAWAU TAHAN JURAGAN TEMPATAN LANGGAR SYARAT PERMIT BAWA BARANG KAWALAN**

**TAWAU, 30 Ogos** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Zon Maritim Tawau telah menahan sebuah bot kargo yang disyaki telah melanggar syarat permit membawa barang kawalan di perairan Tawau petang semalam.

Timbalan Pengarah Zon Operasi, Zon Maritim Tawau iaitu Komander Maritim Mohd Yusri bin Hussin berkata, bot ronda Maritim Malaysia yang sedang menjalankan rondaan di kawasan tanggungjawab telah memeriksa dan menahan sebuah bot kargo tempatan pada jarak 1.6 batu nautika dari muara sungai Pisak-Pisak, Pulau Sebatik, Tawau sekitar jam 5.30 petang semalam.

Pemeriksaan awal mendapat terdapat seorang juragan lelaki warganegara Malaysia berumur 31 tahun memandu bot kargo tersebut yang memiliki dokumen membawa barang kawalan yang mengelirukan dan berbeza berbanding dokumen yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Hasil pemeriksaan lanjut juga, mendapat juragan tersebut membawa muatan sebanyak 25 buah tong gas Liquid Petroleum Gas (LPG) seberat 14 kilogram setiap satunya dianggarkan bernilai lebih kurang RM4750 .

“Jumlah keseluruhan nilai rampasan dianggarkan bernilai lebih kurang RM25,750 termasuk bot kargo dan enjin sangkut. Juragan dan muatan bot kargo ditahan dan diiring masuk ke jeti Maritim Malaysia, Zon Maritim Tawau kerana disyaki telah melanggar permit dan kes akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, katanya.

Menurut beliau lagi, Zon Maritim Tawau akan terus meningkatkan lagi rondaan dan penguatkuasaan dari semasa ke semasa bagi memastikan perlanggaran undang-undang dapat dibanteras dan dikurangkan di perairan Malaysia khususnya perairan Tawau.

Sebarang maklumat dan aduan mengenai perlanggaran undang-undang atau kecemasan di laut boleh disalurkan kepada pihak Zon Maritim Tawau melalui talian hotline 089-752116 atau MERS 999.

**- TAMAT -**

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**Lt Dya (M) Mohamad Sobri bin Abu Othman**

Pegawai Perhubungan Awam Maritim Malaysia,

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia,

Zon Maritim Tawau.

Tel : 089-750116 / 013-8968698



